

KENYATAAN DATUK BANDAR

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

MESYUARAT MAJLIS PENUH

21 JUN 2022

1. SAMBUTAN HARI JADI YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Sambutan Hari Lahir Tuan Yang Terutama Yang Di-pertua Negeri Pulau Pinang yang bakal diraikan pada 9 Julai 2022 (Sabtu). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am. Kami mendoakan kesejahteraan dan kesihatan yang baik dikurniakan kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Khadijah Binti Mohd Nor dan seisi keluarga.

2. SAMBUTAN HARI BANDAR WARISAN DUNIA GEORGETOWN

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Bandar Warisan Dunia Georgetown yang bakal diraikan pada 7 Julai 2022 (Khamis). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

3. SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDIL ADHA

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha kepada semua umat Islam yang akan menyambutnya pada 10 Julai 2022 (Ahad). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

4. PENEMPATAN & PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Dengan ini dimaklumkan bahawa Puan Siti Nur Nabilah Binti Muhammad, Pegawai Undang-Undang (Gred L41) berkelulusan Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah ditempatkan di Jabatan Undang-Undang berkuatkuasa 1 Jun 2022. Ucapan setinggi-tinggi tahniah dan diharapkan dapat menjalankan amanah dengan sebaik-baiknya.

5. PROMOSI BAYAR CUKAI TAKSIRAN, SEWAAN GERAJ/KOMPLEKS DAN KOMPAUN MBSP MELALUI APLIKASI ASPIRE SEBERANG PERAI

Aplikasi pintar MBSP iaitu ASPIRE Seberang Perai telah dilancarkan pada 24 Mei 2022. Bersempena dengan pelancaran ini, satu program promosi cabutan bertuah telah diadakan dengan menawarkan **dua (2) kategori cabutan bertuah** kepada mereka yang memuat turun aplikasi dan membuat pembayaran cukai taksiran, sewaan gerai/kompleks atau kompaun MBSP melalui ASPIRE. Syarat-syarat serta hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

Kategori Pertama (1)

- a. Membuat pembayaran minima RM5.00 (maksima RM149.00) melalui aplikasi ASPIRE
- b. Pembayaran dibuat di antara 23 Mei 2022 hingga 31 Ogos 2022.
- c. Hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

Bilangan Hadiah	Jenis Hadiah
35 Pemenang	Baucar AEON RM100 setiap satu

Kategori Kedua (2)

- a. Khas kepada pengguna yang membuat pembayaran **RM150.00 dan ke atas** melalui aplikasi ASPIRE untuk cukai taksiran, sewaan atau kompaun (dengan syarat menjelaskan kesemua kompaun yang ada) **LAYAK** untuk menyertai **cabutan berganda** ini. (Akan layak kedua-dua cabutan)
- b. Pembayaran dibuat di antara 23 Mei hingga 31 Ogos 2022.
- c. Wajib menjelaskan semua tunggakan bagi cukai taksiran, sewaan dan kompaun (jika ada) hingga 31 Ogos 2022
- d. Hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Kedudukan Hadiah	Jenis Hadiah
Tempat Utama	Motosikal Model SYM VE1-110E
Tempat Ke-2	Samsung Galaxy A32 LITE
Tempat Ke-3	HONOR 50 LITE
Tempat Ke-4	VIVO Y33S
Tempat Ke-5 hingga Ke-14	Wang Tunai RM500

Cabutan nama pemenang yang bertuah akan ditentukan selepas Mesyuarat Majlis Penuh pada bulan September 2022 nanti. Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat sila layari <https://aspire.mbsp.gov.my> atau emel di aspire.mbsp.gov.my

Aplikasi ASPIRE Seberang Perai boleh di muat turun di Apple App Store, Google Play Store dan Huawei AppGallery

6. BIL CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL KEDUA 2022

Adalah dimaklumkan bahawa pemilik premis yang telah mengemaskini maklumat akan mula menerima bil cukai taksiran melalui *CyberBill* bagi bil penggal kedua tahun 2022 melalui sms dan e-mel di antara **27 Jun 2022 hingga 30 Jun 2022** manakala bagi yang belum mendaftar akan menerima bil fizikal secara berperingkat mulai 1 Julai 2022. Pembayaran cukai taksiran perlu dijelaskan sebelum atau selewat-lewatnya pada **31 Ogos 2022.**

Adalah dinasihatkan kepada pemilik yang belum mengemaskini maklumat nombor telefon dan e-mel, sila berbuat demikian dengan kadar segera bagi tujuan penghantaran bil secara digital pada masa akan datang. Pemilik premis juga boleh menyemak dan membuat bayaran secara atas talian melalui kaedah-kaedah yang telah disediakan seperti berikut:

1. Aplikasi ASPIRE Seberang Perai

2. Laman web MBSP iaitu <https://www.mbsp.gov.my> (Di Menu Perkhidmatan Dalam Talian – Cukai Kadaran / Taksiran)
3. Portal Gerbang Pembayaran MBSP iaitu
[**https://mbsppay.mbsp.gov.my**](https://mbsppay.mbsp.gov.my)
4. Portal ebayar Penang iaitu [**https://ebayar.penang.gov.my**](https://ebayar.penang.gov.my)
5. Portal PBTPay KPKT iaitu [**https://pbtpay.kpkt.gov.my**](https://pbtpay.kpkt.gov.my)
6. Perbankan internet seperti Maybank2u, CIMB Click dan sebagainya.
7. Jom Pay dengan menggunakan Biller Code: 5322
8. Aplikasi Boost, Shopee, Touch N Go

Pembayaran juga boleh dibuat di kaunter MBSP (Menara Bandaraya dan cawangan), Kiosk PayQuik serta di semua kaunter kedai 7 Eleven seluruh Malaysia serta agen-agen sah yang telah dilantik MBSP.

Sila hubungi di talian 04-5497470 / 471 / 468 / 696 / 697/ 790 untuk pertanyaan serta maklumat lanjut mengenai bil cukai taksiran anda.

7. SOAL SELIDIK INPUT BAJET MBSP 2023

Selaras dengan prinsip GRPB, sukacitanya dimaklumkan MBSP telah menyediakan Soal Selidik Input Bajet 2023 untuk mendapatkan idea, pandangan dan cadangan daripada “*stakeholders*” Seberang Perai berhubung dengan perkhidmatan yang perlu ditambahbaik dan diberi keutamaan oleh MBSP. Ini adalah untuk memastikan perkhidmatan MBSP memenuhi keperluan rakyat Seberang Perai. Soal Selidik ini telah dimuat naik ke dalam laman web MBSP iaitu www.mbsp.gov.my mulai 20 Jun hingga 3 Julai 2022.

MBSP amat menghargai masa dan kerjasama rakyat Seberang Perai dalam memberikan pandangan dan mengisisoal selidik ini. Input bajet yang diperolehi akan dianalisa dan dimasukkan dalam penyediaan Bajet 2023. Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi pegawai yang terlibat di talian 04-5497460 @ norshazila@mbsp.gov.my (Puan Norshazila), 04-5497848 @ norbaiti@mbsp.gov.my (Pn. Norbaiti) atau 04-5497890 (Unit Bajet).

8. OPS CROSS MBSP 2022

Dimaklumkan MBSP buat pertama kalinya akan menganjurkan acara menembak gagak yang dinamakan Operasi *Crow Sharpshooter* MBSP 2022 (OPS Cross MBSP 2022). Ops Cross MBSP 2022 akan diadakan pada 13 Ogos 2022, 24 September 2022 dan 15 Oktober 2022. MSBP mengalu-alukan orang awam yang mempunyai lesen senjata api yang sah untuk menyertai Ops Cross MBSP 2022. Kawasan tumpuan Ops Cross MBSP 2022 meliputi seluruh kawasan Seberang Perai iaitu Seberang Perai Tengah pada 13 Ogos 2022, Seberang Perai Utara pada 24 September 2022 dan Seberang Perai Selatan pada 15 Oktober 2022.

Pemilihan lokasi-lokasi ini adalah berdasarkan aduan yang diterima oleh jabatan. Tidak dinafikan, kewujudan burung gagak berkait rapat dengan isu kebersihan. Justeru itu, MBSP menyeru semua warga Seberang Perai mengamalkan sikap menjaga kebersihan, membuang sampah ke dalam tong sampah, plastik diikat kemas dan tong sampah ditutup dengan rapi. Operasi menembak gagak ini merupakan inisiatif MBSP

bagi mengurangkan dan mengawal populasi gagak di kawasan Seberang Perai.

9. POSTER/ RISALAH : AKTIVITI DIBENARKAN DAN TIDAK DIBENARKAN DI TAMAN REKREASI AWAM/ KAWASAN LAPANG DI MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Majlis Bandaraya Seberang Perai akan melancarkan ‘Poster/ Risalah Aktiviti Dibenarkan dan Tidak Dibenarkan di Taman Rekreasi Awam / Kawasan Lapang di Majlis Bandaraya Seberang Perai. Sehubungan dengan itu, ‘Poster/ Risalah Aktiviti Dibenarkan dan Tidak Dibenarkan di Taman Rekreasi Awam / Kawasan Lapang di Majlis Bandaraya Seberang Perai akan dilancarkan pada 15 Julai 2022 (sempena *Soft Launch: Planting Hour* Seberang Perai) di Ruang Media, Menara Majlis Bandaraya Seberang Perai

10. POSTER/ RISALAH HARGAI DAN SAYANGI POKOK

Majlis Bandaraya Seberang Perai akan melancarkan ‘Poster/ Risalah Hargai dan Sayangi Pokok.

Sehubungan dengan itu, ‘Poster/ Risalah Hargai dan Sayangi Pokok akan dilancarkan pada 15 Julai 2022 (sempena *Soft Launch: Planting Hour* Seberang Perai) di Ruang Media,

Menara Majlis Bandaraya Seberang Perai. Poster/ risalah ini diterbitkan adalah bagi memberikan pendidikan serta menanamkan sifat cintakan pokok disamping dapat memelihara pokok daripada dirosakkan .MBSP turut ingin menjemput penduduk Seberang Perai untuk bersama-sama menanam pokok sempena *Planting Hour* Seberang Perai yang akan diadakan serentak pada bulan September 2022 sempena sambutan Hari Bandaraya.

11. KEPENTINGAN MENJAGA KEBERSIHAN DIRI DAN PERSEKITARAN

Malaysia telah memasuki fasa endemik Covid-19, namun begitu diharapkan orang ramai masih berwaspada kerana masa kini kita diancam penyebaran penyakit HFMD di kalangan kanak-kanak dan juga demam denggi. Oleh yang demikian, penjagaan kebersihan diri yang betul amat perlu dipraktikkan. Di samping itu, MBSP turut menggesa penduduk Seberang Perai untuk sama-sama menjaga persekitaran tempat tinggal dan kebersihan supaya dapat mengelakkan tempat pembibakan nyamuk aedes. Ini juga menjadikan kawasan sekitar lebih selamat, bersih dan sihat.

SEKIAN, TERIMA KASIH.